



**AHMAD ZAHID HAMIDI** diiringi Pengerusi, Yayasan Pembangunan Buku Negara, Hasan Hamzah (empat dari kanan) melihat buku terbitan terbaharu daripada Universiti Kuala Lumpur, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Putra Malaysia sewaktu perasmian buku tersebut dalam Majlis Apresiasi Tokoh Sarjana : Penerima Anugerah Buku Negara 2015 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AIZZUL A. MAJID

# Ahli akademik dicabar hasilkan karya berkualiti

**KUALA LUMPUR 4 Jan.** - Golongan sarjana, akademik serta karyawan tempatan perlu menghasilkan karya bermutu tinggi yang bukan sahaja mempunyai nilai komersial di peringkat antarabangsa tetapi mampu memenangi Anugerah Nobel.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, ketika ini karya yang dihasilkan golongan tersebut masih agak ketinggalan untuk diangkat sebagai naskhah komersial bagi dipasarkan ke peringkat antarabangsa.

Katanya, kerajaan dan beliau secara peribadi akan membantu golongan terbabit menjulang nama negara, tetapi kejayaan yang diharapkan tidak akan hadir jika mentaliti serta komitmen pihak berkaitan masih dalam kepompong lama.

Sambil mencabar golongan terabit keluar daripada zon sedia ada, beliau berkata, Malaysia menjelang 2057 iaitu di kala ulang tahun ke-100 kemerdekaan negara, harus mempunyai pemenang Anugerah Nobel dalam industri berkaitan.

“Kita masih jauh (ketinggalan) kerana mungkin terlepas pandang. Usaha kerajaan boleh dipertingkatkan tetapi untuk memajukan industri ini perlu melibatkan pelbagai pihak seperti penerbit, karyawan dan para cendekiawan.

“Di peringkat antarabangsa ada filem Harry Porter atau Winter Sonata yang diadaptasi daripada novel. Mengapa kita masih tidak ada?” soalnya ketika berucap dalam majlis Apresiasi Tokoh Sarjana: Penerima Anugerah Buku Negara 2015 di sini hari ini.

Pada majlis itu, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim menerima

Anugerah Tokoh Sejarawan; Prof. Emeritus Dr. Hashim Musa (Anugerah Perdana Za’aba-Tokoh Linguistik) dan Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin (Anugerah Perdana Aminuddin Baki).

Kay Kim dan Hisham membawa pulang hadiah wang tunai RM10,000 manakala Swee Tin pula menerima RM5,000.

Menurut Ahmad Zahid, kerajaan mahu melihat penerbit-penerbit serta penulis novel tempatan misalnya, menjalinkan sinergi serta kerjasama dengan penerbit antarabangsa untuk menerbitkan telenovela Malaysia yang bertaraf global.

Jelasnya, untuk mencapai ke tahap itu, langkah pertama perlu dimulakan dari sekarang memandangkan prestasi semasa industri buku di negara ini umpamanya, masih belum mencapai prestasi sebagaimana yang diharapkan kerajaan.

Dalam perkembangan berkaitan, Timbalan Perdana Menteri berikrar untuk membela golongan sarjana, tokoh akademik serta para karyawan agar mereka mendapat pengiktirafan yang sewajarnya seperti mana yang diberikan negara-negara maju.

“Saya tidak mahu golongan ini hanya dianggap seperti daun kari, apabila hendak memasak kari baru kita mencarinya dan apabila kari sudah masak, kita hanya makan lauknya sahaja tetapi daun kari itu kemudiannya diletak di tepi pinggan.

“Selagi saya diberi amanah oleh Allah dan kepercayaan oleh Perdana Menteri, saya akan memastikannya mereka yang selama ini seolah-olah dipinggir atau terpinggir ini dibela, selaku pemimpin yang diberi amanah inilah azam saya,” ujarnya.